

organisation chart carta organisasi

环
球
性



Property • Hartanah

100%	MRCB Utama Sdn Bhd
60%	MRCB Selborn Corporation Sdn Bhd
100%	MRCB Property Management Sdn Bhd
100%	Superview Development Sdn Bhd
100%	MR Properties Sdn Bhd ³
100%	Golden East Corporation Sdn Bhd ³
100%	Taiyee Development Sdn Bhd ³
100%	MRCB Land Sdn Bhd
100%	Malaysian Resources Development Sdn Bhd
70%	Seri Iskandar Development Corporation Sdn Bhd ³
100%	Bitar Enterprises Sdn Bhd ³
100%	MRCB Property Development Sdn Bhd ³
100%	Sunrise Properties Sdn Bhd ³
100%	MRCB Cahaya Mutiara Sdn Bhd ⁵
64.38%	Kuala Lumpur Sentral Sdn Bhd
64.38%	Unity Portfolio Sdn Bhd ¹
51%	Onesentral Park Sdn Bhd
50%	Harmonic Fairway Sdn Bhd
50%	Promising Quality Sdn Bhd ⁶

Infrastructure • Infrastruktur

70%	Seri Ipoh-Lumut Expressway Sdn Bhd ³
100%	Semasa Sentral Sdn Bhd

Engineering & Construction • Kejuruteraan & Pembinaan

100%	MRCB Construction Sdn Bhd
100%	MRCB Engineering Sdn Bhd
70%	Zelleco (M) Sendirian Berhad
70%	Zelleco Engineering Sdn Bhd ⁴
52.50%	Zelleco Construction Sdn Bhd ⁴
26.25%	Pembangunan Sulaiman-Zelleco JV Sdn Bhd ²
100%	MRCB Project Management Sdn Bhd

Multimedia • Multimedia

71.48%	MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd
100%	MRCB Dotcom Sdn Bhd
100%	MRCB Smart Sdn Bhd
100%	MRCB Intelligent Systems and Control Sdn Bhd

- 100% MRCB Software Vision Sdn Bhd
(formerly known as/dahulu dikenali sebagai Cybotronics Sdn Bhd)
- 100% Multimedia Base Sdn Bhd
- 100% Netcelerator (M) Sdn Bhd
(formerly known as/dahulu dikenali sebagai Casamewah Sdn Bhd)
- 100% Profitune Berhad
- 100% Estroman Sdn Bhd
- 100% Amirijaya Sdn Bhd
- 100% Digiwill Sdn Bhd

Media • Media

- 43.53% The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad
- 49.65% Sistem Televisyen Malaysia Berhad

Energy • Tenaga

- 70% Sepang Power Sdn Bhd
- 100% Sepang Energy Resources Sdn Bhd
- 100% Trans Peninsula Crude Oil Transaction Sdn Bhd
- 100% MRCB Oil and Gas Technical Services Sdn Bhd
- 55% Transmission Technology Sdn Bhd

International Business • Perniagaan Antarabangsa

- 100% MRC Management (BVI) Ltd
- 100% Malaysian Resources International Sdn Bhd
- 100% MRCB Mauritius Limited
- 100% MR Investments (Cayman) Pte Ltd
- 100% Novelway Investments (Pty) Ltd

Financial Services • Perkhidmatan Kewangan

- 22.68% Rashid Hussain Berhad

- 3 Held through/Dipegang melalui
Malaysian Resources Development Sdn Bhd
- 1 Held through/Dipegang melalui
Kuala Lumpur Sentral Sdn Bhd
- 6 Held through/Dipegang melalui
Harmonic Fairway Sdn Bhd
- 4 Held through/Dipegang melalui
Zelleco (M) Sendirian Berhad
- 2 Held through/Dipegang melalui
Zelleco Contruction Sdn Bhd
- 5 Held through/Dipegang melalui
MRCB Property Development Sdn Bhd

Lembaga Pengarah komited untuk memastikan bahawa piawaian tadbir urus korporat yang tertinggi sentiasa diamalkan di seluruh Kumpulan sebagai tonggak penting melaksanakan tanggungjawabnya untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pemegang saham dan prestasi kewangan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Ke arah mencapai matlamat ini, Lembaga Pengarah menyokong sepenuhnya saranan yang terkandung di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod).

Lembaga Pengarah sedang dalam usaha ke arah pematuan penuh terhadap semua Prinsip yang terkandung di dalam Bahagian 1 Kod dan juga komited untuk memastikan penggunaan Amalan Terbaik seperti yang disarankan di dalam Bahagian 2 Kod berkenaan. Berikut adalah penyata tentang bagaimana Kumpulan telah melaksanakan Kod tersebut.

LEMBAGA PENGARAH

Kumpulan MRCB diterajui dan dikawal oleh sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan. Lembaga Pengarah bermesyuarat mengikut jadual, sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan jika perlu. Semua ahli Lembaga Pengarah memiliki pertimbangan yang bebas untuk menangani isu-isu seperti strategi, prestasi, sumber dan standard tatalaku.

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2001, enam (6) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Lembaga Pengarah telah mengagihkan tanggungjawab khusus kepada tiga (3) jawatankuasa kecil (Jawatankuasa Audit, Pencalonan dan Imbuan), yang mana butir-butir lengkap mengenainya dibentangkan di bawah. Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa isu-isu tertentu dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah berserta dengan saranan mereka. Walau bagaimanapun, tanggungjawab mutlak bagi membuat keputusan akhir berhubung semua perkara, masih secara keseluruhannya dipikul oleh Lembaga Pengarah.

Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai komposisi pengarah eksekutif dan bukan eksekutif yang seimbang supaya tiada individu atau sekumpulan kecil individu boleh mendominasi proses membuat keputusan Lembaga Pengarah. Berikutan perletakan jawatan tiga (3) Pengarah eksekutif pada 7 September 2001, Lembaga Pengarah kini terdiri daripada enam (6) ahli, yang mana tiga (3) daripada mereka merupakan Pengarah eksekutif dan tiga (3) Pengarah bukan eksekutif (termasuk Pengerusi), dua (2) daripada mereka adalah Pengarah bebas. Y. Bhg Dato' Seri Abdul Rahman Maidin yang menjadi Pengerusi bukan eksekutif sejak 9 Ogos 2001 telah meletak jawatan pada 12 Januari 2002. YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail telah dilantik menjadi Pengerusi Bukan Eksekutif pada 24 Januari 2002.

Butir-butir mengenai perubahan yang berlaku dalam Lembaga Pengarah dan kehadiran di mesyuarat adalah seperti berikut:

Pengarah	Jawatan	Perlantikan Jawatan	Perletakan Jawatan	Kehadiran
YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	Pengerusi Bukan Eksekutif	24 Jan 2002	-	-*
Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin	Pengerusi	15 Jul 1999	12 Jan 2002	5/6
Y. Bhg. Datuk Zahari Omar	Naib Presiden Eksekutif	26 Jul 1999	-	6/6
Y. Bhg. Dato' Jamil Bidin	Naib Presiden	27 Sept 2000	7 Sept 2001	5/6
Dr. Lim Ken Huat	Naib Presiden	27 Sept 2000	7 Sept 2001	5/6
Dr. Abdul Rahman Bidin	Naib Presiden	27 Sept 2000	7 Sept 2001	4/6
Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Ibniহার	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	27 Sept 2000	-	4/6
Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Dato' Hj. Salleh	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	27 Sept 2000	-	6/6
Encik Abdul Rahman Ahmad	Ketua Pegawai Eksekutif	9 Ogos 2001	-	-*
Encik Shahril Ridza Ridzuan	Pengarah Eksekutif	9 Ogos 2001	-	-*
Encik Seow Lun Hoo	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	7 Okt 1992	27 Sept 2000	-
Encik Abdul Rahman Hj. Sulaiman	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	25 Mac 1996	27 Sept 2000	-

*Dilantik selepas mesyuarat Lembaga Pengarah terakhir bagi tahun kewangan

The Board of Directors is committed to ensuring that the highest standards of corporate governance are practiced throughout the Group as a fundamental part of discharging its responsibilities to protect and enhance shareholder value and the financial performance of Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). To this end, the Board fully supports the recommendations of the Malaysian Code of Corporate Governance (the Code).

The Board is currently moving towards full compliance with all the Principles in Part 1 of the Code and is also committed to ensuring adoption of the Best Practices as recommended in Part 2 of the Code. Set out below is a statement of how the Group has applied the Principles of the Code.

THE BOARD OF DIRECTORS

The MRCB Group is led and controlled by an effective Board. The Board meets on a scheduled basis, at least four (4) times a year, with additional meetings convened as necessary. All Board members bring an independent judgement to bear on issues of strategy, performance, resources and standards of conduct.

During the financial year ended 31 August 2001, six (6) Board meetings were held. The Board has delegated specific responsibilities to three (3) subcommittees (Audit, Nomination and Remuneration Committees), the details of which are set out below. These Committees have the authority to examine particular issues and report back to the Board with their recommendation. The ultimate responsibility for the final decision on all matters, however, lies with the entire Board.

Board Balance

The Board has a balanced composition of executive and non-executive directors so that no individual or small group of individuals can dominate the Board's decision making. Following the resignation of three (3) executive Directors on 7 September 2001, the Board currently comprises six (6) members, of which three (3) are executive Directors and three (3) non-executive Directors (including the Chairman), two (2) of whom are independent. Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin who became a non-executive Chairman since 9 August 2001 has subsequently resigned from the board on 12 January 2002. YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail has been appointed as a Non-Executive Chairman on 24 January 2002.

Details of the Board movement and attendance at meetings are set out below:

Directors	Designation	Appointment	Resignation	Attendance
YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	Non-Executive Chairman	24 Jan 2002	-	-*
Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin	Chairman	15 Jul 1999	12 Jan 2002	5/6
Y. Bhg. Datuk Zahari Omar	Executive Vice President	26 Jul 1999	-	6/6
Y. Bhg. Dato' Jamil Bidin	Vice President	27 Sept 2000	7 Sept 2001	5/6
Dr. Lim Ken Huat	Vice President	27 Sept 2000	7 Sept 2001	5/6
Dr. Abdul Rahman Bidin	Vice President	27 Sept 2000	7 Sept 2001	4/6
Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Ibnihaajar	Independent Non-Executive Director	27 Sept 2000	-	4/6
Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Dato' Hj. Salleh	Independent Non-Executive Director	27 Sept 2000	-	6/6
Encik Abdul Rahman Ahmad	Chief Executive Officer	9 Aug 2001	-	-*
Encik Shahril Ridza Ridzuan	Executive Director	9 Aug 2001	-	-*
Mr. Seow Lun Hoo	Independent Non-Executive Director	7 Oct 1992	27 Sept 2000	-
Encik Abdul Rahman Hj. Sulaiman	Independent Non-Executive Director	25 Mar 1996	27 Sept 2000	-

* Appointed after the last Board meeting for the financial year

Para Pengarah ini mempunyai pengalaman perniagaan dan kewangan yang berpelbagai dan sesuai dengan hala tuju Kumpulan yang besar dan sedang berkembang ini. Sebuah keterangan ringkas mengenai latar belakang setiap Pengarah dibentangkan di muka surat 9 hingga 14 di dalam Laporan Tahunan ini.

Wujud pembahagian tanggungjawab antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi memastikan supaya keseimbangan kuasa dan autoriti dapat diwujudkan.

Kehadiran para Pengarah bukan eksekutif bebas di dalam Lembaga Pengarah memberikan matlamat dan kewibawaan yang perlu untuk memberi kesan yang sewajarnya dalam proses Lembaga Pengarah membuat keputusan. Walaupun kesemua Pengarah mempunyai tanggungjawab yang sama rata ke atas operasi Kumpulan, peranan para Pengarah bukan eksekutif bebas amat penting dalam memastikan bahawa strategi yang dicadangkan oleh pengurusan eksekutif dibincang dan dikaji sepenuhnya, dengan mengambilkira kepentingan jangka panjang, bukan sahaja kepada para pemegang saham malah kepada kakitangan, para pelanggan, pembekal dan komuniti di mana Kumpulan menjalankan perniagaannya.

Bekalan Maklumat

Lembaga Pengarah mempunyai akses yang tidak terhalang untuk mendapatkan maklumat yang menepati masa dan tepat, yang sesuai untuk menjalankan tugas mereka tetapi tidak terhad kepada maklumat kuantitatif sahaja malah turut meliputi maklumat lain yang dianggap sesuai seperti kepuasan pelanggan, kualiti produk dan perkhidmatan, bahagian pasaran, tindak balas pasaran dan prestasi alam sekitar.

Semua Pengarah akan mengkaji laporan Pengarah sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah berlangsung. Laporan ini dikeluarkan dengan memberi masa yang memadai (sekurang-kurangnya 5 hari sebelum mesyuarat) bagi membolehkan para Pengarah mendapatkan penjelasan lanjut, jika perlu, supaya diberi taklimat yang sewajarnya sebelum mesyuarat.

Selain daripada membincangkan prestasi Kumpulan di mesyuarat tersebut, terdapat satu jadual perkara-perkara yang khusus untuk diputuskan oleh Lembaga Pengarah, termasuk meluluskan rancangan dan belanjawan korporat, pembelian dan penjualan aset yang penting bagi Kumpulan, pelaburan utama, perubahan pengurusan dan struktur kawalan Kumpulan, termasuk dasar-dasar penting, prosedur dan had autoriti.

Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat dan jika perlu, mendapatkan nasihat profesional bebas dengan perbelanjaan, ditanggung oleh Syarikat.

JAWATANKUASA AUDIT

Komposisi Ahli

Pengerusi

Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Ibnihiyar*

Ahli-ahli

Y. Bhg. Datuk Zahari bin Omar

Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Dato' Hj. Salleh*

*Pengarah bukan eksekutif bebas

Keahlian

Jawatankuasa ini perlu dilantik di kalangan para Pengarahnya yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- Jawatankuasa Audit perlu dianggotai oleh tidak kurang dari 3 ahli
 - majoriti ahli hendaklah terdiri daripada para pengarah bebas; dan
 - sekurang-kurangnya seorang ahli jawatankuasa audit:
 - merupakan seorang ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika beliau bukan seorang ahli MIA, beliau perlu mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dan;
- * beliau hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
- * beliau hendaklah merupakan seorang ahli persatuan akauntan yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967

Together, the Directors bring a wide range of business and financial experience relevant to the direction of a large, expanding Group. A brief description of the background of each Director is presented on pages 9 to 14 of the Annual Report.

There is a clear division of responsibility between the Chairman and the Chief Executive Officer to ensure that there is a balance of power and authority.

The presence of independent non-executive Directors in the Board provides objectivity and they are of the calibre necessary to carry sufficient weight in Board decisions. Although all the Directors have an equal responsibility for the Group's operations, the role of the independent non-executive Directors is particularly important in ensuring that the strategies proposed by the executive management are fully discussed and examined, and take account of the long term interests, not only of the shareholders, but also of employees, customers, suppliers, and the many communities in which the Group conducts business.

Supply of Information

The Board has unrestricted access to timely and accurate information, necessary in the furtherance of their duties, which is not only quantitative but also other information deemed suitable such as customer satisfaction, product and service quality, market share, market reaction and environmental performance.

All Directors review the Board reports prior to the Board meeting. This is issued in sufficient time (at least 5 days prior to the meeting) to enable the Directors to obtain further explanations, where necessary, in order to be briefed properly before the meeting.

In addition to Group performance discussed at the meeting, there is a schedule of matters reserved specifically for the Board's decision, including the approval of corporate plans and budgets, acquisitions and disposals of assets that are material to the Group, major investments, changes to management and control structure of the Group, including key policies, procedures and authority limits.

All Directors have access to the advice and services of the Company Secretary and where necessary, in the furtherance of their duties, take independent professional advice at the Group's expense.

AUDIT COMMITTEE

Composition of Members

Chairman

Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Ibnihajar*

Members

Y. Bhg. Datuk Zahari bin Omar

Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Dato' Hj. Salleh*

*Independent non-executive directors

Membership

The Committee must be appointed from amongst its Directors which fulfils the following requirements:

- a. the Audit Committee must be composed of no fewer than 3 members;
- b. a majority of the members must be independent directors; and
- c. at least one member of the audit committee:
 - i. must be a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA); or
 - ii. if he is not a member of the MIA, he must have at least 3 years' working experience and:

* he must have passed the examination specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or

* he must be a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967

Pengerusi hendaklah merupakan seorang pengarah bukan eksekutif, bebas. Pengarah pengganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit. Sekiranya berlaku sebarang kekosongan di dalam Jawatankuasa Audit yang menyebabkan keperluan di atas tidak dipatuhi, Syarikat perlu mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga bulan.

Setiasaha Syarikat akan bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

Bidang Tugas

1. Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya dan semua kakitangan akan diarah supaya bekerjasama seperti yang diminta oleh ahli-ahli Jawatankuasa ini.
2. Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk mengekalkan orang-orang yang mempunyai kemahiran khas yang diperlukan untuk membantu Jawatankuasa ini dalam melaksanakan tanggungjawabnya.
3. Jawatankuasa Audit memberi bantuan kepada Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab fidusiarinya khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar, pengurusan & kawalan kewangan.
4. Melalui mesyuarat yang dijadualkan secara tetap, Jawatankuasa Audit perlu mengekalkan saluran komunikasi langsung dengan Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan Pengurusan.
5. Jawatankuasa Audit memberi penekanan yang lebih besar kepada fungsi audit dengan mempertingkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalaman dan menyediakan suatu forum untuk perbincangan yang bebas daripada Pengurusan.

Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa berikut sepertimana yang diberi oleh Lembaga Pengarah:

1. Mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam bidang tugasnya;
2. Mempunyai sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
3. Mempunyai akses sepenuhnya, bebas dan tanpa halangan kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan personel Syarikat dan mana-mana syarikat di dalam Kumpulan;
4. Mempunyai saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan orang-orang yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
5. Boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
6. Boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, tanpa kehadiran ahli-ahli eksekutif jawatankuasa, apabila perlu.

Tugas dan Tanggungjawab

1. Untuk mengkaji perkara-perkara berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah Syarikat:
 - a. rancangan audit dengan juruaudit luar
 - b. dengan juruaudit luar, penilaian mereka mengenai sistem kawalan dalaman
 - c. dengan juruaudit luar, laporan audit
 - d. bantuan yang diberi oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar
 - e. kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang perlu untuk melaksanakan tugasnya
 - f. program audit dalaman, proses, keputusan program audit dalaman, proses atau penyiasatan yang dijalankan dan sama ada sesuai atau tidak tindakan diambil berhubung cadangan fungsi audit dalaman
 - g. keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun, sebelum diluluskan oleh lembaga pengarah, dengan memfokus terutamanya kepada:
 - i. perubahan dalam atau pelaksanaan perubahan dasar perakaunan utama;
 - ii. peristiwa penting dan luasbiasa; dan
 - iii. pematuhan terhadap piawaian perakaunan dan keperluan perundangan yang lain;

The Chairman shall be an independent, non-executive director. No alternate director is appointed as a member of the Audit Committee. In the event of any vacancy in the Audit Committee resulting in the non-compliance of the above requirements, the Company must fill the vacancy within 3 months.

The Company Secretary shall act as Secretary to the Committee.

Terms of Reference

1. The Audit Committee shall be granted the authority to investigate any activity of the Company and its subsidiaries and all employees shall be directed to cooperate as requested by members of the Committee.
2. The Audit Committee shall be empowered to retain persons having special competence as necessary to assist the Committee in fulfilling its responsibilities.
3. The Audit Committee shall provide assistance to the Board in fulfilling its fiduciary responsibilities particularly relating to business ethics, policies, management & control.
4. The Audit Committee, through regularly scheduled meetings, shall maintain a direct line of communication between Board, External Auditors, Internal Auditors and Management.
5. The Audit Committee shall provide greater emphasis on the audit functions by increasing the objectivity and independence of External and Internal Auditors and providing a forum for discussion that is independent of the Management.

Authority

The Audit Committee shall have the following authority as empowered by the Board of Directors:

1. Have authority to investigate any matter within its terms of reference;
2. Have the resources which are required to perform its duties;
3. Have full, free and unrestricted access to any information, records, properties and personnel of the Company and any other companies within the Group;
4. Have direct communication channels with the external auditors and person(s) carrying out the internal audit function or activity (if any);
5. Be able to obtain independent professional or other advice; and
6. Be able to convene meetings with the external auditors, excluding the attendance of the executive members of the committee, whenever deemed necessary.

Duties and Responsibilities

1. To review the following and report the same to the Board of Directors of the Company:
 - a. the audit plan with external auditor
 - b. with the external auditor, his evaluation of the system of internal controls
 - c. with the external auditor, his audit report
 - d. the assistance given by the employees of the Company to the external auditor
 - e. the adequacy of the scope, functions and resources of the internal audit functions and that it has the necessary authority to carry out its work
 - f. the internal audit programme, processes, the results of the internal audit programme, processes or investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken on the recommendations of the internal audit function
 - g. the quarterly results and year end financial statements, prior to the approval by the board of directors, focusing particularly on:
 - i. changes in or implementation of major accounting policy changes;
 - ii. significant and unusual events; and
 - iii. compliance with accounting standards and other legal requirements
 - h. any related party transaction and conflict of interest situation that may arise within the Company or group including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity

- h. sebarang urusanniaga pihak berkaitan dan keadaan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urusanniaga, prosedur atau perjalanan tatacara yang menimbulkan persoalan berhubung kewibawaan pengurusan
 - i. sebarang surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar Syarikat; dan
 - j. sama ada berasas (disokong oleh alasan) untuk mempercayai bahawa juruaudit luar Syarikat tidak sesuai untuk pelantikan semula.
2. Untuk mengesyorkan pelantikan orang atau orang-orang sebagai Juruaudit Luar.
 3. Untuk mendapatkan tindak balas yang memuaskan daripada pengurusan berhubung Laporan Audit Dalam dan laporan yang dikeluarkan oleh juruaudit luar.
 4. Di mana kajian laporan audit syarikat-syarikat subsidiari dan sebarang syarikat berkaitan turut termasuk di bawah bidang kuasa Jawatankuasa ini, semua fungsi yang dinyatakan di atas perlu dijalankan oleh Jawatankuasa dengan kerjasama Lembaga Pengarah syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat berkaitan.
 5. Untuk mengkaji pengaturan yang diwujudkan oleh pengurusan bagi pematuhan dengan sebarang penguatkuasa peraturan atau keperluan laporan luar, undang-undang kecil dan peraturan yang berkaitan dengan operasi Kumpulan MRCB.

Mesyuarat

1. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dikemukakan oleh Juruaudit dalam melaksanakan fungsi mereka. Kuorum suatu mesyuarat Jawatankuasa Audit adalah terdiri daripada tiga (3) ahli yang majoritinya adalah pengarah bebas.
2. Setiausaha bertanggungjawab ke atas penyelarasan perkara-perkara berbentuk pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, pengundian dan penyimpanan minit mesyuarat.
3. Selain daripada ahli-ahli Jawatankuasa, Pengurus Besar Kewangan dan Pengurus Besar Tadbir Urus Korporat diundang untuk hadir di setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan pasukan pengurusannya akan hadir apabila laporan audit berhubung syarikat/jabatan dibentangkan untuk dibincang. Kehadiran Juruaudit Luar akan diminta apabila perlu.
4. Di atas permintaan Juruaudit, Pengerusi perlu mengadakan mesyuarat Jawatankuasa untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang Juruaudit percaya perlu diketengahkan untuk perhatian para pengarah atau pemegang saham.
5. Juruaudit berhak untuk hadir dan memberi pendapat pada sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan perlu hadir di hadapan Jawatankuasa apabila diminta berbuat demikian oleh Jawatankuasa ini.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2001, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak 4 kali. Butir-butir kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

	MJA ke 13 31/10/00	MJA ke 14 31/01/01	MJA ke 15 30/04/01	MJA ke 16 25/07/01
Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Ibniহার	√	√	√	√
Y. Bhg. Datuk Zahari bin Omar	√	√	√	√
Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Dato' Hj. Salleh	√	√	√	√

- i. any letter of resignation from the external auditors of the Company; and
 - j. whether there is reason (supported by grounds) to believe that the Company's external auditor is not suitable for reappointment
2. To recommend the nomination of a person or persons as External Auditors.
3. To obtain satisfactory response from management on the Internal Audit Reports and reports issued by external auditors.
4. Where review of audit reports of subsidiaries and any related corporation also falls under the jurisdiction of the Committee, all the above mentioned function shall also be performed by the Committee in co-ordination with the Board of Directors of the subsidiaries and related corporation.
5. To review arrangements established by management for compliance with any regulatory or other external reporting requirements, by-laws and regulation related to the MRCB Group's operations.

Meetings

1. The Committee shall meet at least 4 (four) times in a year to discuss any matters raised by the Auditors in discharging their functions. The quorum for a meeting of the Audit Committee shall be three (3) of which the majority must be independent directors.
2. The Secretary is responsible for the co-ordination of administrative details including calling the meetings, voting and keeping of minutes.
3. In addition to the Committee members, General Manager, Finance and General Manager, Corporate Governance are invited for attendance at each meeting. The Head of companies/departments and their Management team will attend when audit reports on their companies/departments are tabled for discussion. The presence of External Auditors will be requested when required.
3. The Chairman shall upon the request of the External Auditor, convene a meeting of the committee to consider any matter the External Auditor believes should be brought to the attention of the directors or shareholders.
4. The auditors have the right to appear and be heard at any meeting of the Audit Committee and shall appear before the committee when required to do so by the committee.

During the financial year ended 31 August 2001, the Audit Committee held a total of 4 meetings. The details of attendance of the Committee members are as follows:

	13th 31/10/00	14th 31/01/01	15th 30/04/01	16th 25/07/01
Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Ibniহার	√	√	√	√
Y. Bhg. Datuk Zahari bin Omar	√	√	√	√
Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Dato' Hj. Salleh	√	√	√	√

Summary of Activities of the Audit Committee

The following activities were performed by the Audit Committee during the financial year ended 31 August 2001;

1. Reviewed and approved the Annual Audit Plan for the calendar year 2001. In its review of the Annual Audit Plan, the Audit Committee reviewed the scope and coverage over the activities of the respective business units of the Group and the Internal Audit's basis of assessment and risk rating of the proposed areas of audit.
2. Reviewed and deliberated on a total of 4 audit reports on assignments and 2 follow-up audits conducted by the Internal Audit.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut pada tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2001;

1. Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Tahunan bagi tahun kalendar 2001. Dalam semakannya terhadap Pelan Audit Tahunan, Jawatankuasa Audit telah menyemak skop dan liputan ke atas aktiviti unit-unit perniagaan Kumpulan dan asas penilaian Audit Dalaman serta pengkadaran risiko bagi bidang-bidang audit yang disyorkan.
2. Menyemak dan membincangkan keempat-empat laporan audit ke atas tugas audit dan 2 audit susulan yang dijalankan oleh Audit Dalaman.
3. Menyemak dengan Juruaudit Luar ke atas strategi dan skop audit bagi audit berkanun akaun Kumpulan dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2001.
4. Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan Akaun Syarikat dan Kumpulan Yang Diaudit dan mengesyorkannya untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah, selepas berpuashati bahawa laporan dan pendedahan maklumat kewangan yang diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan telah dipatuhi. Sebarang perkara penting yang timbul daripada audit penyata kewangan oleh Juruaudit Luar dibincangkan.
5. Menyemak dan menilai kecukupan dan keberkesanan tindak balas pengurusan dalam menyelesaikan perkara audit yang dilaporkan.
6. Menyemak proses dan penyiasatan yang dijalankan oleh Audit Dalaman, penemuan audit dan analisis risiko mengenai setiap tugas audit dan memberi penekanan terhadap audit susulan bagi memastikan bahawa tindakan pembetulan yang sewajarnya telah diambil dan cadangan Audit Dalaman telah dilaksanakan.

Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman bagi Kumpulan dipikul oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat yang membuat laporan kepada Jawatankuasa Audit dan membantu Lembaga Pengarah mengawalselia serta menguruskan risiko dan kawalan dalaman. Audit Dalaman bertanggungjawab menyediakan penilaian yang bebas mengenai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman bagi menjangkakan risiko potensi yang terdedah kepada proses perniagaan utama dalam Kumpulan.

Sepanjang tahun kewangan ini, tugas audit, penyiasatan dan tindakan susulan telah dijalankan ke atas unit-unit operasi dan syarikat-syarikat subsidiari. Bidang-bidang yang diaudit termasuk operasi pengurusan harta, jualan dan pemasaran serta operasi IT. Di samping itu, Audit Dalaman juga menjalankan semakan secara teliti berhubung pemerolehan perniagaan e-dagang dan pembangunan hartanah. Ini dijalankan menurut Pelan Audit Tahunan atau sebagai audit ad-hoc khas di atas permintaan Pengurusan. Laporan yang diperolehi daripada audit yang dilaksanakan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan dikemukakan kepada Pengurusan berkenaan untuk perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tindakan pembetulan berhubung kelemahan yang dilaporkan seperti yang disyorkan diambil dalam tempoh masa yang telah ditentukan. Pengurusan juga bertanggungjawab memastikan bahawa laporan bertulis mengenai tindakan yang dirancang atau telah disiapkan dihantar kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurus Besar, Tadbir Urus Korporat.

JAWATANKUASA PENCALONAN

Pengerusi

Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Dato' Hj Salleh*

Ahli-ahli

YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail**

Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Ibnihajjar*

* Pengarah bukan eksekutif bebas

** Pengarah bukan eksekutif bukan bebas

3. Reviewed with the External Auditors on audit strategy and scope for the statutory audits of the Group accounts for the financial year ended 31 August 2001.
4. Reviewed the unaudited quarterly financial statements and the Audited Accounts of the Company and the Group and recommending the same for approval by the Board, upon being satisfied that the financial reporting and disclosure requirements of the relevant authorities had been complied with. Any significant issues resulting from the audit of the financial statements by the External Auditors were deliberated.
5. Reviewed and appraised the adequacy and effectiveness of Management response in resolving the audit issues reported.
6. Reviewed the processes and investigations undertaken by the Internal Audit, the audit findings and risk analysis on each audit assignment and emphasized on follow-up audits to ensure that appropriate corrective actions are taken and recommendations of the Internal Audit are implemented.

Internal Audit Function

The internal audit function for the Group is carried out by the Corporate Governance Department which reports to the Audit Committee and assists the Board of Directors in monitoring and managing risks and internal controls. The Internal Audit is responsible in providing independent assessments for adequate, efficient and effective internal control systems in anticipating potential risks exposures over key business processes within the Group.

Throughout the financial year, audit assignments, investigation and follow-up were carried out on units of operations and subsidiary companies. Areas audited included property management, sales and marketing and IT operations. In addition, the Internal Audit had also performed due diligence reviews in relation to the acquisitions of e-commerce and property development businesses. These were carried out in accordance with the Annual Audit Plan or as special ad-hoc audit at Management's request. The resulting reports of the audits undertaken were presented to the Audit Committee and forwarded to the Management concerned for attention and necessary actions.

The Management is responsible for ensuring that corrective actions on reported weaknesses as recommended are taken within the required timeframe. The Management is also responsible for ensuring that a written report on action planned or completed is sent to the Chairman of the Audit Committee and General Manager, Corporate Governance.

APPOINTMENTS TO THE BOARD

The Code endorses, as good practice, a formal procedure for appointments to the Board, with a Nomination Committee making recommendations to the Board. The Board has approved the setting up of the Nomination Committee on 31 October 2001.

Nomination Committee

Chairman

Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Dato' Hj. Salleh *

Members

YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail**

Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Hj. Ibnihajar *

* Independent non executive director

** Non-independent non-executive director

The terms of reference approved for the Committee are:

- * To nominate and recommend to the Board, candidates to be appointed as Director of the Company;
- * To consider in making its recommendations, candidates for directorships proposed by the Chief Executive Officer or by any other senior executive or any director or shareholder;
- * To recommend to the Board, directors to fill the seats on Board committees;
- * To assist the Board in its annual review of its required mix of skills and experience and other qualities, including core competencies which non-executive directors should bring to the Board;
- * To assist the Board in implementing an assessment programme to assess the effectiveness of the Board as a whole, the committees of the Board and the individual director on an annual basis.

Bidang tugas yang diluluskan bagi Jawatankuasa ini adalah:

- * Untuk mencalon dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon yang akan dilantik sebagai Pengarah Syarikat;
- * Untuk mempertimbangkan dalam membuat cadangan, calon-calon bagi menganggotai lembaga pengarah yang dicadangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau mana-mana pengarah atau pemegang saham;
- * Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, para pengarah yang akan menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- * Untuk membantu Lembaga Pengarah di dalam semakan tahunannya berhubung campuran kemahiran dan pengalaman dan kualiti-kualiti lain yang diperlukan, termasuk kelebihan daya saingan teras yang perlu dimiliki oleh para pengarah bukan eksekutif bagi menganggotai Lembaga Pengarah;
- * Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan bagi menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap individu lembaga pengarah secara keseluruhan.

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan kuorum tiga (3) orang ahli diperlukan untuk melangsungkan mesyuarat.

Menurut Tataurusan Pertubuhan Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada pemilihan oleh para pemegang saham selepas setahun perlantikan mereka. Tataurusan tersebut juga menetapkan bahawa sekurang-kurangnya satu per tiga daripada Pengarah selebihnya tertakluk kepada pemilihan semula mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Latihan para Pengarah

Pada tahun kewangan yang ditinjau, Kumpulan MRCB menanggung kerugian sebelum cukai sebanyak RM648.2 juta berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM81.3 juta sebelumnya. Sebahagian besar daripada kerugian tersebut iaitu sebanyak RM398.1 juta, terbit terutamanya daripada penurunan nilai pelaburan dalam syarikat bersekutunya, The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP). Peruntukan ini dibuat sekali sahaja dan tidak berulang serta menyokong langkah berhemat pengurusan dalam menyediakan peruntukan ke atas nilai bawa pelaburan memandangkan keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu.

Kumpulan juga melaporkan bahagian kerugian sebanyak RM72.6 juta dalam beberapa syarikat bersekutunya, berbanding bahagian keuntungan sebanyak RM82.9 juta pada tahun sebelumnya. Kebanyakan kerugiannya terbit daripada NSTP yang menanggung kerugian sebelum cukai sebanyak RM171.4 juta, berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.0 juta sebelumnya. Prestasi NSTP terjejas akibat kos kertas surat khabar yang tinggi sepanjang sebahagian besar dari tahun yang ditinjau. Kesan positif daripada penurunan harga kertas surat khabar dijangka akan jelas tergambar pada tahun kewangan akan datang.

Perolehan Kumpulan walau bagaimanapun, melonjak kepada RM533.1 juta pada tahun yang ditinjau berbanding RM248.6 juta sebelumnya, berikutan peningkatan perolehan daripada aktiviti pembinaan dan pembangunan hartanah Kuala Lumpur Sentral.

Syarikat bersekutu, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) mencatatkan pengurangan ketara dalam kerugian sebelum cukai kepada RM1.8 juta pada tahun yang ditinjau berbanding kerugian sebanyak RM130.0 juta sebelumnya. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kemasukan semula peruntukan yang disediakan bagi kemerosotan nilai pelaburannya dalam First Malaysia Property Trust (FMPT), sebuah usaha niaga pelaburan berkaitan hartanah. Perolehannya yang disatukan pada tahun yang ditinjau meningkat kepada sebanyak RM240.7 juta berbanding RM221.6 juta sebelumnya. Kami juga berasa bangga untuk melaporkan bahawa walaupun dibelenggu isu hutang, namun TV3 masih mampu mencapai keuntungan daripada operasi yang lebih tinggi sebanyak RM36.6 juta di peringkat kumpulan sepanjang tempoh yang ditinjau berbanding kerugian daripada operasi sebanyak RM90.1 juta di peringkat kumpulan yang direkodkan sepanjang tempoh yang sama sebelumnya. Namun diperingkat Kumpulan, MRCB tidak mengambil kira bahagiannya dalam kerugian selepas cukai TV3 bagi tahun yang ditinjau memandangkan nilai bawa bagi pelaburan ini telah mencapai sifar.

Memandangkan pencapaian prestasi kewangan Syarikat, Lembaga Pengarah mencadangkan supaya tiada dividen diisytiharkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2001.

Maklumat Operasi

Kekuatan dan kepakaran operasi yang dimiliki oleh MRCB terletak dalam bahagian kejuruteraan dan pembinaan. Ini terbukti melalui penyediaan dan penyerahan menepati masa sebilangan projek yang dijalankan oleh MRCB sepanjang tempoh yang ditinjau.

Kami berasa bangga untuk mengumumkan tentang pembukaan Stesen Sentral Kuala Lumpur pada bulan April 2001 yang begitu pesat menjadi salah sebuah mercu tanda paling terkemuka di ibu negara. Pusat pengangkutan paling penting dan serba moden ini telah berjaya disiapkan dalam tahun yang ditinjau dan merupakan permata kepada pembangunan Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) seluas 72 ekar milik Kumpulan. Pusat pengangkutan termoden yang berharga RM410 juta ini menyatukan perkhidmatan Komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit milik Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) serta perkhidmatan transit aliran ringan (LRT) yang dikendalikan oleh Projek Usahasama Transit Ringan Automatik (PUTRA). Perkhidmatan keretapi keempat, KL Monorail dijadual akan bermula pada suku kedua tahun 2002, menghubungkan stesenya di Jalan Tun Sambanthan dengan Stesen Sentral Kuala Lumpur.

KL Sentral yang terletak di tengah-tengah bandaraya, akan memaparkan blok pejabat moden, gedung membeli-belah, hotel, kondominium dan pangsapuri perkhidmatan serta pusat jualan bersepadu dan kompleks rekreasi pelbagai guna apabila ia disiapkan sepenuhnya pada tahun 2012. Ia akan membantu pembaharuan semula aktiviti perdagangan dan kemasyarakatan di kawasan tersebut. Kami berasa sukacita untuk melaporkan bahawa Plaza Sentral

realise the synergies and operational efficiencies of the Group, all of which are ongoing. Underscoring our serious intent to enhance corporate governance practice in MRCB, the appointments provide a clear separation of management from ownership.

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Financial Statements of MRCB and its Group of Companies for the financial year ended 31 August 2001.

Financial Highlights

For the year under review, the MRCB Group incurred a loss before taxation of RM648.2 million, compared with a pre-tax profit of RM81.3 million previously. The bulk of the losses - RM398.1 million - stemmed mainly from a write-down of its investments in associated company The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP). These provisions are one-off and non-recurring in nature, and underscores management's prudence in making provisions against the carrying value of investments in view of the prevailing economic uncertainty.

The Group also reported a RM72.6 million share of losses in its associated companies, against a share of profits amounting to RM82.9 million in the previous year. Losses came mainly from NSTP, which posted a pre-tax loss of RM171.4 million, compared with a pre-tax profit of RM9.0 million previously. NSTP's performance was affected by the higher newsprint cost for the most part of the year under review. The positive impact of the decline in newsprint prices is expected to be reflected in the following financial year.

The Group's turnover, however, soared to RM533.1 million for the year under review from RM248.6 million previously on the back of higher revenue from its construction activities and the Kuala Lumpur Sentral property development.

Associated company, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) sharply reduced its pre-tax loss to RM1.8 million in the year under review from RM130.0 million previously, largely as a result of a write-back of provisions it made for the fall in the value of its investments in First Malaysia Property Trust (FMPT), a property-related investment venture. Consolidated turnover during the year under review was higher at RM240.7 million, compared with RM221.6 million previously. We are also pleased to report that despite the setbacks brought about by its debt issues, TV3 still

managed to record RM36.6 million profit from operations at group level for the review period compared with a loss from operations at group level of RM90.1 million recorded in the previous corresponding period. However, at the Group level, MRCB has excluded its share of loss after taxation of TV3 for the financial year under review as the carrying amount of this investment has reached zero.

In view of the Company's financial results, the Board of Directors is recommending that no dividend be declared for the financial year ended 31 August 2001.

Operational Highlights

The operational strength and expertise of MRCB lies in construction and engineering. Testimony to this is the timely completion and delivery of a number of projects undertaken by MRCB during the period under review.

We are proud to announce the opening in April 2001 of what is fast becoming one of the capital's most famous landmarks - Stesen Sentral Kuala Lumpur. This important and ultra-modern transportation hub was successfully completed during the year under review and is the jewel of the Group's 72-acre Kuala Lumpur Sentral development (KL Sentral). The RM410 million ultra-modern transportation hub integrates Keretapi Tanah Melayu Berhad's (KTMB) Komuter services and those of Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) - namely KLIA Ekspres and KLIA Transit rail services as well as Projek Usahasama Transit Ringan Automatik (PUTRA), the Light Rail Transit (LRT) operator. A fourth rail service, KL Monorail, is due to begin operation by the second quarter of 2002, connecting its station at Jalan Tun Sambanthan to Stesen Sentral Kuala Lumpur.

Situated in the heart of the city, KL Sentral will feature modern office blocks, hotels, condominiums and service apartments as well as an integrated retail centre and recreational complex when it is fully developed by 2012. It will aid the commercial and social regeneration of the area. We are pleased to report that Plaza Sentral-Block 4 consisting of 14 levels, a retail podium and 251 parking bays and a total net floor area of 175,480 sq ft was handed over to the purchaser, Lembaga Tabung Haji, in August 2001. The other two blocks of Plaza Sentral which have also been completed, were already over 80% sold towards the end of 2001. Meanwhile, plans for the construction of the four remaining blocks which will make up the whole Plaza Sentral development are already underway.

Blok 4 setinggi 14 tingkat, yang merangkumi sebuah podium membeli-belah dan 251 petak letak kereta dengan ruang lantai bersih seluas 175,480 kaki persegi telah diserahkan kepada pembelinya, Lembaga Tabung Haji pada Ogos 2001. Dua blok Plaza Sentral lain yang telah disiapkan mencatat lebih 80% jualan menjelang penghujung tahun 2001. Sementara itu, pembinaan empat blok selebihnya yang akan melengkapkan keseluruhan pembangunan Plaza Sentral sedang dirancang.

Satu lagi bukti kecekapan yang ditampilkan oleh bahagian kejuruteraan dan pembinaan kami ialah penyiapan pembinaan talian penghantaran 500kV untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun kewangan ini. Ia termasuk talian dari Pasir Gudang ke Permas Jaya dan dari Ayer Tawar ke Stesen Janakuasa Janamanjung. Ia telah dilaksanakan oleh syarikat subsidiari kami, Transmission Technology Sdn Bhd (Transmission Technology).

Dalam sektor hartanah kediaman, MRCB terus memainkan peranannya untuk menyediakan kediaman yang mampu dimiliki ramai dengan memfokus kepada pembangunan perumahan kos rendah dan sederhana. Syarikat subsidiari MRCB, MRCB Utama Sdn Bhd telah melancarkan jualan rumah teres dua tingkat Peak 208 di Taman Kajang Utama berhampiran Putrajaya, pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, pada November 2001. Ia mendapat sambutan menggalakkan dan mencatatkan jualan yang teguh. Pangsapuri Seraya dengan 200 unit kediaman juga berjaya disiapkan pada masa yang sama.

Dalam bidang penyiaran pula, syarikat bersekutu, TV3 terus menjadi stesen TV paling diminati penonton di negara ini. Ia berjaya menguasai 40% kadar tontonan dalam sektor televisyen bebas ke udara. Sementara itu, NSTP kekal sebagai penerbit akhbar terbesar di negara ini, menerbitkan New Straits Times, harian Bahasa Inggeris paling lama di negara ini serta harian Bahasa Melayu yang terunggul iaitu Berita Harian. Harian Metro, harian tempatan yang paling pesat berkembang turut termasuk dalam himpunan akhbar hariannya.

Penyusunan Semula Korporat

Selepas mengambil langkah untuk mengurangkan hutang pada tahun 1999, hutang korporat MRCB pada 31 Ogos 2001 berjumlah RM567.0 juta yang matang pada bulan Julai 2002, sementara hutang berkaitan projek sekitar RM1.3 bilion. Hutang TV3 yang terbit akibat usaha mempelbagaiannya sebelum krisis ekonomi 1997, kini sedang melalui skim penyusunan semulanya sendiri di bawah naungan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

Bagi memesatkan lagi usaha penyusunan semula hutangnya, pada 8 Oktober 2001, MRCB telah memaklumkan tentang satu skim menyeluruh untuk menyelesaikan isu hutang di MRCB dan juga TV3. Skim ini unik kerana ia tidak membebaskan para pemegang saham dengan langkah pengumpulan dana dan tidak melibatkan suntikan aset yang boleh mencairkan kedudukan para pemegang saham. Langkah penting dalam skim ini ialah pengasingan aset media Kumpulan daripada MRCB.

Usaha penyusunan semula ini meliputi berbagai langkah yang akan membolehkan TV3 menyelesaikan hutangnya dan membebaskan MRCB daripada hutang korporat.

Hutang TV3 disusun semula secara bersama dengan hutang MRCB bagi membolehkan stesen penyiar ini kekal sebagai sebuah entiti perniagaan yang berterusan. Selepas penyusunan semula ini, tanpa beban hutang sekarang, TV3 akan menikmati penjimatan ketara dalam perbelanjaan faedah dan ini akan membolehkan ia menghasilkan keuntungan mantap pada tahun-tahun akan datang. Hutang korporat MRCB juga akan ditangani sepenuhnya melalui kutipan pelupusan beberapa pelaburan bukan teras.

Selain itu, di bawah cadangan pengasingan, dua entiti perniagaan yang amat berfokus akan muncul: MRCB dan sebuah syarikat media senarai awam yang baru (Newco). Di peringkat Syarikat, MRCB akan bebas daripada obligasi hutang yang membelenggunya dan boleh memfokus sumber untuk mengukuhkan operasinya. Fokus perniagaannya akan tertumpu kepada Kejuruteraan dan Pembinaan; Infrastruktur; dan Pembangunan dan Pengurusan Hartanah

Another example in the efficiency of our engineering and construction division is the completion of the construction of several 500kV transmission lines for Tenaga Nasional Berhad (TNB) during the year under review. They included transmission lines from Pasir Gudang to Permas Jaya and lines from Ayer Tawar to the Janamanjung Power Station by subsidiary Transmission Technology Sdn Bhd (Transmission Technology).

In the residential property sector, MRCB continued to play its role in providing affordable housing by focusing on low to medium-cost housing development. On housing for the masses, subsidiary MRCB Utama Sdn Bhd launched the sales of Peak 208 double-storey terrace houses in Taman Kajang Utama near Putrajaya, the Federal Government's administrative hub in November 2001. It was well-received and sales were strong. The 200-unit Seraya Apartments were also completed at the same time.

On the broadcasting front, associated company, TV3 continued to be the most watched station in the country, attracting 40% of viewers in the free-to-air television sector. NSTP, meanwhile, remained the largest newspaper publisher in the country, publishing The New Straits Times, the nation's oldest English daily as well as the leading Malay daily Berita Harian. Also in its stable is the fastest growing local daily, Harian Metro.

Corporate Restructuring

After the measures taken in 1999 to reduce debt, MRCB's corporate debt as at 31 August 2001 stood at RM567.0 million maturing in July 2002, while project-related debts stood at about RM1.3 billion. TV3's debt, which came about as a result of its diversification efforts prior to the 1997 economic crisis, is undergoing its own debt restructuring scheme under the auspices of the Corporate Debt Restructuring Committee (CDRC).

Stepping up the pace of debt restructuring, on 8 October 2001, MRCB unveiled a comprehensive scheme to resolve the debt issues in both MRCB and TV3. The scheme is unique in that it does not burden shareholders with a fund-raising exercise and does not involve the injection of assets which may dilute shareholders' position. Key to the scheme is a demerger of the Group's media assets from MRCB.

The restructuring exercise consists of various steps which will result in TV3 resolving its debts, and a corporate debt-free MRCB.

TV3's debts are being restructured jointly with MRCB's to enable the broadcaster to remain a going concern. Post-restructuring, without the existing debt burden, TV3 will enjoy significant savings in interest expense and in turn, will be able to turn in healthy profits in the coming years. MRCB's corporate debts will also be fully addressed through disposal proceeds of non-core investments.

Furthermore, under the proposed demerger, two highly-focused business entities will emerge: MRCB and a new public-listed media company (Newco). MRCB, at the Company level, will be freed from its crippling debt obligations and can focus its resources on strengthening its operations. Its business focus will be on Engineering and Construction; Infrastructure; and Property Development and Management which are synergistic and facilitate shared resources. Meanwhile, Group debts at the subsidiary companies are project-related and are self-sustaining from the cash flows of the respective projects.

Newco will be a full-fledged media giant specialising in electronics and print media, the first of its kind in the country. It will take over the listing status of TV3 which will become a wholly-owned subsidiary of Newco. TV3 will be free from its existing debt burden, and can concentrate on revitalising its operations. MRCB will transfer to Newco its 43.5% stake in NSTP for a total value of RM357.3 million via the issuance of Newco's new shares and irredeemable convertible unsecured loan stocks (ICULS); and for a cash consideration of RM13.5 million, its IT and multimedia businesses. Newco is expected to generate combined media revenue in excess of RM650 million from TV3 and the NSTP group.

The proposed scheme is a win-win situation for all parties concerned since it comprehensively addresses the major issues facing the Group, allowing the Group to focus its resources on its businesses, while providing a solution that takes into account the interest of all parties concerned. The scheme also unlocks and returns the value of MRCB's media investments back to the shareholders in the form of Newco shares.

yang bersifat sinergistik dan memudahkan perkongsian sumber. Sementara itu, hutang Kumpulan di peringkat syarikat subsidiari adalah hutang berkaitan projek dan mampu ditampung sendiri melalui aliran tunai daripada projek-projek yang dijalankan.

Newco akan menjadi sebuah gergasi media serba lengkap yang mengkhusus dalam media elektronik dan cetak, pertama seumpamanya di negara ini. Ia akan mengambil alih status senarai awam TV3 yang akan menjadi sebuah syarikat subsidiari milik penuh Newco. TV3 akan bebas daripada beban hutang sekarang dan justeru itu boleh menumpukan perhatian untuk mengukuhkan operasinya. MRCB akan memindahkan 43.5% kepentingannya dalam NSTP pada nilai RM357.3 juta melalui penerbitan saham baru Newco dan stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar tidak boleh tebus (ICULS); dan perniagaan IT dan multimediana dengan bayaran tunai sebanyak RM13.5 juta, kepada Newco. Newco dijangka akan menjana hasil media secara gabungan melebihi RM650 juta daripada TV3 dan kumpulan NSTP.

Cadangan skim ini menguntungkan semua pihak terlibat kerana ia menangani secara menyeluruh isu-isu utama yang dihadapi oleh Kumpulan, membolehkan Kumpulan menumpukan sumber ke atas perniagaannya, sambil menyediakan penyelesaian yang mengambilkira kepentingan semua pihak yang terlibat. Skim ini juga membebaskan dan mengembalikan pulangan nilai pelaburan media MRCB kepada para pemegang sahamnya dalam bentuk saham Newco.

Para pemegang saham MRCB sedia ada yang memiliki 3,000 saham biasa MRCB akan memegang 2,000 saham biasa MRCB dan 1,300 saham biasa Newco pada penghujung langkah penyusunan semula ini. Dengan demikian, nilai aset media MRCB akan dibebaskan supaya para pemegang saham dan pelabur potensi bebas melabur secara langsung sama ada dalam sektor kejuruteraan dan pembinaan atau sektor media, bergantung kepada strategi pelaburan masing-masing. Para penganalisis dan pelabur pula akan dapat menilai MRCB dan Newco dengan lebih mudah berasaskan kepada ukur rujuk industri masing-masing. Kami menjangka langkah penyusunan semula hutang dan pengasingan ini akan selesai menjelang bulan Julai 2002.

Di samping itu, MRCB sedang mempercepatkan kemajuan dalam strategi serampang tiga matanya untuk mempertingkatkan potensi masa depan Kumpulan: untuk mendapatkan lebih banyak kerja dari luar dan meluaskan aliran hasil, untuk mempertingkatkan kecekapan dan rasionalisasi kos, dan untuk melepaskan perniagaan bukan teras dan tidak berdaya maju.

Selaras dengan matlamat tersebut, MRCB akan menjual 22.7% kepentingannya dalam kumpulan perkhidmatan kewangan Rashid Hussain Berhad yang dijangka akan diselesaikan menjelang pertengahan 2002. Penjualan 22.7% kepentingan MRCB dalam pengeluar tenaga senarai awam, Malakoff Berhad dengan bayaran sebanyak RM744.1 juta telah diselesaikan sepenuhnya pada tempoh yang ditinjau. Selepas tempoh yang ditinjau, MRCB telah mengumumkan penjualan 70% kepentingannya dalam pengeluar tenaga Sepang Power Sdn Bhd kepada TNB dengan bayaran RM115.0 juta.

Selepas tahun yang ditinjau, TV3 juga telah menutup operasi televisyen kabel, Mega TV yang menanggung kerugian, dan sedang memberikan tumpuan kepada penyiaran televisyen komersial. Ia juga telah menjual sebanyak 70.4% kepentingannya dalam FMPT.

Sementara itu, dalam usaha untuk memberi tumpuan kepada perniagaan terasnya iaitu percetakan surat khabar dan untuk mengurangkan hutangnya, NSTP sedang mengambil langkah untuk melupuskan seluruh kepentingannya dalam kumpulan perbankan Commerce Asset-Holding Berhad (CAHB). NSTP akan tampil lebih kukuh setelah pelupusan CAHB tersebut diselesaikan.

Existing MRCB shareholders who own 3,000 ordinary shares of MRCB will hold 2,000 ordinary shares of MRCB and 1,300 ordinary shares of Newco at the end of the exercise. The value of MRCB's media assets is thus unlocked so that shareholders and potential investors can invest directly either in the engineering and construction or media sectors, depending on their investment strategy. Analysts and investors will find it easier to evaluate MRCB and Newco based on their respective industry benchmarks. We expect the debt restructuring and demerger exercise to be completed by July 2002.

In addition, MRCB is accelerating progress in a three-pronged strategy to boost the Group's fortunes: to secure more external work to expand revenue streams, to enhance efficiency and rationalise costs, and to shed non-core and non-viable businesses.

In line with this, MRCB is selling its 22.7% stake in financial services group Rashid Hussain Berhad which is expected to be concluded by the middle of 2002. The review period saw the full completion of the sale of MRCB's 22.7% stake in listed power producer Malakoff Berhad for RM744.1 million. Subsequent to the review period, MRCB also announced the disposal of its 70% stake in power producer Sepang Power Sdn Bhd to TNB for RM115.0 million.

Similarly, TV3 has shut down loss-making cable television Mega TV and is focusing on commercial television broadcasting, subsequent to the year under review. It has also sold its 70.4% stake in FMPT.

Meanwhile, NSTP, in an effort to concentrate on its core business of newspaper publishing and to reduce its debts, is disposing of its entire stake in banking group, Commerce Asset-Holding Berhad (CAHB). The NSTP Group will be much stronger once the disposal of CAHB is completed.

Moving Forward

As an engineering and construction company with a heavy focus on the energy, infrastructure and property sectors, MRCB will be well-placed to capitalise on the Government's RM7.3 billion stimulus package to bolster economic growth.

Fiscal policy will continue to be expansionary in 2002 and the Government predicts that pump priming and other measures to stimulate domestic activities will enable the economy to expand by 3% - 4% in 2002, up from under 1% growth expected in 2001. Macroeconomic policies in 2002 will focus on strengthening domestic demand and broadening the sources of growth.

The Group is especially strong in the design and construction of power plants and transmission lines. We are confident that it can effectively leverage its vast experience and skills in this area to win market share. Its track record includes having carried out the entire civil and building works for the Lumut Power Plant as well as eight other power plants in the country. On top of this, the Group designed, constructed and did the fabrication works of the power stations for three of the country's first five independent power producers. Its steel fabrication plant is equipped with state-of-the-art computerised design and fabrication facilities.

Also in the energy sector, MRCB subsidiary, Transmission Technology is a noted turnkey contractor in power transmission and distribution. It constructed the first 500kV transmission lines and substations for TNB and received the recognition of being awarded the prestigious ISO 9002 certification in September 2000 for implementing a quality assurance system which complies with local, as well as international standards for project and construction management.

In the near term, MRCB needs to strengthen its balance sheet and will be moving away from activities that are burdensome to its balance sheet. In line with this, the Group will be concentrating on projects with faster turnaround time and do not require heavy long-term financial commitment. As such, it has submitted to the Government a reconfiguration proposal for the Ipoh-Lumut Expressway in Perak with the aim of enhancing the project's viability while fulfilling the current and future needs of commuters.

With the completion of the business restructuring scheme, Newco will be a highly focused and truly integrated media group offering broadcast, print, outdoor and multimedia as well as possessing strong

Melangkah ke hadapan

Sebagai sebuah syarikat kejuruteraan dan pembinaan yang banyak terlibat dalam sektor tenaga, infrastruktur dan hartanah, MRCB akan berada dalam kedudukan yang baik untuk mengambil manfaat daripada pakej rangsangan Kerajaan bernilai RM7.3 bilion yang bertujuan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.

Dasar fiskal akan terus berbentuk pertumbuhan pada tahun 2002 dan Kerajaan meramalkan bahawa langkah mendorong pertumbuhan utama dan beberapa langkah lain yang bertujuan untuk merangsang aktiviti domestik akan membolehkan ekonomi berkembang pada kadar 3% - 4% pada tahun 2002, meningkat dari pertumbuhan kurang dari 1% pada tahun 2001. Dasar-dasar makro ekonomi tahun 2002 akan memfokus kepada usaha mengukuhkan permintaan domestik dan meluaskan sumber pertumbuhan.

Kumpulan mempunyai kekuatan khusus dalam merekabentuk dan membina loji janakuasa dan talian penghantaran. Kami yakin bahawa ia boleh memanfaatkan secara berkesan pengalaman dan kemahirannya yang luas dalam bidang ini bagi meluaskan lagi bahagian pasarannya. Rekod pencapaiannya termasuk melaksanakan keseluruhan kerja awam dan bangunan untuk Loji Janakuasa Lumut serta lapan loji janakuasa lain di seluruh negara. Selain itu, Kumpulan telah merekabentuk, membina dan menjalankan kerja fabrikasi stesen janakuasa bagi tiga daripada lima pengeluar tenaga bebas pertama di negara ini. Loji fabrikasi kelulunya dilengkapi dengan kemudahan rekabentuk dan fabrikasi berkomputer yang canggih.

Dalam sektor tenaga juga, sebuah lagi syarikat subsidiari MRCB, Transmission Technology dikenali sebagai kontraktor turnkey terkemuka dalam kerja penghantaran dan pembahagian tenaga. Ia telah membina talian penghantaran 500kV yang pertama dan stesen janakuasa untuk TNB dan menerima pengiktirafan ISO 9002 yang berprestij pada bulan September 2000 kerana melaksanakan sistem jaminan kualiti untuk pengurusan projek dan pembinaan yang mematuhi piawaian tempatan dan antarabangsa.

Dalam tempoh terdekat, MRCB perlu mengukuhkan kunci kira-kiranya dan akan mengurangkan penglibatannya dalam aktiviti yang membebankan kunci kira-kiranya. Selaras dengan matlamat tersebut, Kumpulan akan menumpukan perhatiannya kepada projek-projek yang mempunyai masa pusing ganti yang lebih pantas dan tidak memerlukan komitmen kewangan jangka panjang yang berat. Justeru itu, ia telah mengemukakan kepada Kerajaan satu cadangan pengaturan semula Lebuhraya Ipoh-Lumut di Perak dengan tujuan untuk mempertingkatkan daya maju projek tersebut sambil pada masa yang sama, memenuhi keperluan semasa dan masa depan para pengguna.

Dengan penyelesaian skim penyusunan semula perniagaan ini, Newco akan mempunyai fokus yang lebih tepat dan menjadi sebuah kumpulan media bersepadu meliputi penyiaran, cetak, iklan luar dan multimedia serta memiliki potensi teguh untuk mencapai manfaat pemasaran rentas serta perkongsian sumber dan kepakaran. NSTP dan TV3 akan menjadi penyedia kandungan yang berkualiti dan multimedia dan IT boleh meningkatkan saluran pengedaran.

Melalui perniagaan baru dan penajajaran semula kedudukan dan fungsi yang beroperasi pada tahap maksimum, para Pengarah menjangka prestasi Kumpulan bagi tahun kewangan akan datang yang berakhir pada 31 Ogos 2002 akan lebih menggalakkan.

Tadbir Urus Korporat dan Perhubungan Pelabur

Syarikat dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun ini kepada para pemegang saham berasaskan kepada penerapan prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang baik. Lembaga Pengarah komited untuk memastikan supaya piawaian tadbir urus korporat yang paling tinggi diamalkan supaya ia dapat melindungi dan mempertingkatkan nilai pelaburan pemegang saham.

Pada masa yang sama, MRCB berkomunikasi dengan para pemegang kepentingannya berasaskan kepada prinsip terbuka, cemerlang dan menepati masa. Jurucakap utama Syarikat dalam perhubungan dengan para pelabur institusi, penganalisis, media dan pihak-pihak lain yang berkepentingan terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif.

potential for cross marketing and the sharing of resources and expertise. NSTP and TV3 will be providers of quality content and multimedia and IT will significantly enhance the distribution channels.

With new business and operation alignments in place and functioning at optimum efficiency, the Directors expect the Group's performance for the next financial year ending 31 August 2002 to be more favourable.

Corporate Governance and Investor Relations

The Company is pleased to present this year's Annual Report to the shareholders based on the application of the principles of good governance. The Board is committed to ensuring that the highest standards of corporate governance are practised in order to protect and enhance shareholder value.

At the same time, MRCB is adhering to the policy with regard to any communication with its respective stakeholders premised on openness, excellence and timeliness. The principal spokespersons of the Company in dealings with institutional investors, analysts, media and other interested parties are the Chairman, Chief Executive Officer and the Executive Director.

A structured programme of investor relations has been developed to include formal announcements, interim results and a series of dialogues and meetings with institutions, analysts and members of the media with the objective of fostering better relations and mutual understanding.

Acknowledgements

On behalf of the Board, I would like to warmly welcome new Board members Encik Abdul Rahman Ahmad and Encik Shahril Ridza Ridzuan. I would also like to extend my sincere thanks and appreciation to former Chairman of the Board, Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin, as well as other former Directors, Y. Bhg. Dato Jamil Bidin, Dr. Lim Ken Huat and Dr. Abdul Rahman Bidin who resigned from the Board this year. We are grateful for their contribution to the Company. The management and staff of MRCB also deserve special mention for their hard work, dedication and commitment to the Group.

We would also like to thank our shareholders and customers for their faith in us, the authorities, creditors, and lenders for their patience, and members of the Board for contributing their skills and wise counsel to the Group.

**YAM. DATO' SERI SYED ANWAR JAMALULLAIL
CHAIRMAN**

Satu program berstruktur perhubungan pelabur telah dibentuk; meliputi pengumuman, keputusan interim dan satu siri dialog dan pertemuan dengan institusi, penganalisis, ahli media dengan matlamat untuk menjalin hubungan yang lebih erat dan saling memahami antara satu sama lain.

Penghargaan

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengalu-alukan kehadiran Encik Abdul Rahman Ahmad dan Encik Shahril Ridza Ridzuan sebagai ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baru. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada bekas Pengerusi Lembaga Pengarah, Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin, serta bekas pengarah yang lain, Y. Bhg. Dato' Jamil Bidin, Dr. Lim Ken Huat dan Dr. Abdul Rahman Bidin, yang bersara dari Lembaga Pengarah pada tahun ini. Kami mengucapkan terima kasih kepada mereka di atas sumbangan yang dicurahkan kepada Syarikat. Tidak dilupakan juga pengurusan dan kakitangan MRCB yang telah mempamerkan kegigihan, dedikasi dan komitmen mereka terhadap Kumpulan.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham dan pelanggan kami atas keyakinan mereka selama ini, pihak berkuasa, pemiutang dan pemberi pinjaman atas kesabaran mereka dan ahli-ahli Lembaga Pengarah atas sumbangan kemahiran dan nasihat mereka yang tidak ternilai kepada Kumpulan.

YAM. DATO' SERI SYED ANWAR JAMALULLAIL
PENGERUSI